

24/08/2001

Ekonomi catat pertumbuhan positif: Dr Zeti

Saidon Idris; Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan positif di tengah-tengah kelembapan ekonomi dunia, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 1.8 peratus sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata pertumbuhan positif itu dicatatkan hasil kejayaan negara merekodkan perkembangan KDNK sebanyak 0.5 peratus sepanjang suku kedua tahun ini.

Kejayaan Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi yang positif bagi suku kedua dan separuh tahun pertama itu disifatkan amat baik kerana ia berlaku dalam persekitaran ekonomi sejagat yang sukar.

Kemampuan negara mencatat KDNK positif pada suku kedua itu turut meredakan kebimbangan terhadap ekonomi Malaysia yang sebelum ini dikatakan mungkin menguncup selepas berkembang 3.1 peratus pada suku sebelumnya.

Mengulas perkara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin pertumbuhan ekonomi negara akan mencapai tahap positif walaupun lebih rendah daripada unjuran yang dijangkakan.

Perdana Menteri berkata, dengan kedudukan tidak menentu dalam banyak perkara termasuk kegawatan ekonomi Amerika Syarikat yang jauh lebih buruk, unjuran yang disasarkan kerajaan antara lima hingga enam peratus tidak dapat dicapai.

"Pertumbuhan ekonomi Malaysia mungkin mencapai tahap dua atau tiga peratus seperti diramalkan penganalisis ekonomi dan itu adalah baik," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Yayasan Pendidikan Cheras di Stadium Badminton Cheras petang ini.

Zeti, memberitahu sidang akhbar bagi mengumumkan perkembangan ekonomi dan kewangan negara di sini, pertumbuhan yang dicatatkan sepanjang tempoh itu juga menyeluruh.

"Kecuali sektor pembuatan yang menyaksikan penguncupan 6.7 peratus, aspek lain seperti perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.1 peratus, pembinaan (+3.2 peratus), pertanian (+1.3 peratus) dan perlombongan (+0.7) peratus.

"Penguncupan di luar jangkakan dalam sektor pembuatan itu berlaku kesan penurunan teruk dalam industri elektronik dunia," katanya.

Bagaimanapun Zeti berkata, kemerosotan dalam sektor itu ditampung sektor perkhidmatan dan pembinaan yang menyaksikan pertumbuhan kukuh hasil dasar fiskal dan kewangan kerajaan bagi menggalak kegiatan ekonomi.

Pengumuman pertumbuhan ekonomi positif bagi suku kedua itu juga memberikan reaksi positif di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan Indeks Komposit BSKL meningkat 12.75 mata kepada 669.86 mata ketika ditutup, hari ini.

BSKL, yang menunjukkan dagangan lemah sejak beberapa hari lalu berikutan kebimbangan terhadap pengumuman angka KDNK itu, kembali cergas hari ini dengan sejumlah 273.590 juta saham bernilai RM455.036 juta diniagakan.

Kenaikan itu hasil sokongan belian kukuh dana institusi terhadap kaunter berwajaran tinggi yang cergas diniagakan seperti Tenaga Nasional, Maybank dan Telekom Malaysia.

Mengulas lanjut pencapaian KDNK itu, Zeti berkata, di sebalik kadar pertumbuhan KDNK yang perlahan dalam tempoh suku tahunan kedua yang lalu, kedudukan asas ekonomi makro Malaysia terus kukuh.

Lebih akaun semasa kekal kukuh pada RM12.5 bilion dan dijangka berterusan pada tahap di antara enam dan tujuh peratus daripada KDNK tahun

ini manakala inflasi terus rendah pada 1.6 peratus .

Kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) bersih juga lebih tinggi pada suku kedua berbanding suku pertama dan tahun ini iaitu RM2.4 bilion berbanding hanya RM1.6 bilion.

Zeti berkata, berikutan kekukuhan lebihan akaun semasa, rizab luar Malaysia kini kembali berada dalam arah aliran meningkat manakala hutang luar dikekang pada paras di bawah 50 peratus Keluaran Negara Kasar (KNK).

Hingga 15 Ogos lalu, rizab luar Malaysia adalah AS\$27.4 bilion (RM104.102 bilion) iaitu cukup bagi menampung 4.1 bulan import tertanggung dan 5.8 kali lebih tinggi daripada hutang luar jangka pendek negara.

Dalam sektor kewangan, kedudukan sistem perbankan terus mengukuh dengan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) meningkat kepada 12.4 peratus manakala nisbah modal teras kukuh pada 10.3 peratus sehingga akhir Jun.

Beliau berkata, walaupun kadar hutang tidak berbayar (NPL) dalam sistem perbankan meningkat, ia masih berada pada paras yang mampu diurus iaitu 8.1 peratus sehingga akhir Jun.

Menjawab pertanyaan, Zeti berkata, berdasarkan prestasi agak lemah dalam separuh pertama dan tinjauan ekonomi dunia tidak begitu memberangsangkan, Bank Negara dijangka menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi negara bagi 2001.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan angka unjuran baru itu kerana "ia akan diumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2002 nanti". Kerajaan sebelum ini mengunjurkan KDNK Malaysia berkembang antara lima dan enam peratus tahun ini.

Zeti berkata, prestasi ekonomi bagi suku tahunan ketiga dijangkakan hampir sama dengan yang dicatat pada suku kedua lalu sebelum ia kembali pulih dalam tempoh suku tahunan keempat.

(END)